

06 NOV 2003

KDN-perkhidmatan

KDN AMBIL LANGKAH SEGERA BAIKI PERKHIDMATAN

PUTRAJAYA, 6 Nov (Bernama) -- Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan agensi-agensinya akan mengambil langkah segera bagi menambah baik perkhidmatan kepada rakyat selaras dengan kehendak Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Kita akan melipatgandakan usaha mempercepatkan proses kerja, mengurangkan kerenah birokrasi, memperbaiki sistem penyampaian serta meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kaunter," kata Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KDN Datuk Haji Mohamad Md Yasin.

Beliau mengulas ucapan Abdullah ketika mengemukakan usul terima kasih kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat Isnin lepas, yang antara lain mahu perkhidmatan awam terus memainkan peranan penting memastikan dasar-dasar negara dipatuhi dan dilaksanakan secara telus.

"PM (Abdullah) menekankan bahawa untuk mengurus kejayaan negara dan meningkatkan lagi pencapaian ke tahap kecemerlangan, inovasi dan kreativiti perlu dijadikan sebahagian daripada budaya masyarakat," kata Mohamad kepada pemberita selepas melancarkan konvensyen Kumpulan Mutu Kerja (KMK) KDN 2003 di sini hari ini.

Beliau juga berkata KDN telah mengenal pasti aktiviti-aktiviti dalam KMK sebagai satu instrumen yang dapat membantu meningkatkan tahap produktiviti dan kualiti perkhidmatan agensi-agensinya.

"Jika ada antara proses kerja terlalu lama dan difikirkan tidak sesuai lagi, ia akan diganti atau dimansuhkan," katanya.

Mohamad juga berkata tindakan mengurangkan proses kerja boleh membantu mengurangkan rasuah di agensi-agensi KDN.

-- BERNAMA

RIZ MAI